

LAYANG-LAYANG KECIL

Silver-rumped
Needletail

FAMILI : Apodidae

NAMA SAINTIFIK : *Rhaphidura leucopygialis*

**CIRI-CIRI**

Burung jantan dewasa mempunyai saiz yang kecil, keseluruhan badan berwarna hitam dengan bahagian belakang badan, tongkeng dan bahagian atas ekor berwarna putih-perak. Ekor pendek dan berbentuk bersegi dengan sayap yang agak lebar. Spesies ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna biru gelap. Bagi burung juvenil, diperhatikan keseluruhan warna badannya agak tidak berkilat.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 11.0 sm.

MAKANAN

Serangga.

HABITAT

Ia terdapat di kawasan terbuka dan juga kawasan hutan hingga ke ketinggian 1,250 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi *tirrr-tirrrr..* yang bernada tinggi

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah daripada bulan Februari hingga bulan April. Sarang adalah di dalam rongga pada pokok-pokok. Lain-lain maklumat mengenai pembiakan belum direkodkan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.